

Di Manakah Anda Dalam Transformasi?

Antara empat pilihan berikut, pernyataan yang manakah anda rasa paling betul buat masa ini ?

- A. **Transformasi ini akan berlalu begitu sahaja dan saya tidak perlu mengubah apa-apa**
- B. **Saya mempunyai perasaan takut, marah dan kecawa dengan transformasi ini dan saya tidak mampu berubah**
- C. **Transformasi sedang berlaku dan saya perlu mengambil langkah untuk berubah seiring dengannya**
- D. **Saya telah berjaya mengharungi transformasi dan bersedia menghadapi transformasi berikutnya**

Sekiranya pilihan anda ialah A ...

...anda berkemungkinan berada dalam fasa *denial*. Dalam fasa ini, anda mengelak untuk berbincang mengenai topik tersebut. Anda juga hanya menunggu dan tidak mengambil sebarang tindakan. Dari pandangan orang lain, anda kelihatan tidak mempunyai sebarang perasaan terhadap transformasi kerana anda bertindak seolah-olah tiada apa yang berlaku.

Setiap ketika, anda hanya menjalankan kerja-kerja yang biasa anda buat selama ini. Anda tidak berusaha untuk melihat keluar daripada ruang tanggungjawab anda. Dalam melaksanakan tugas, anda banyak memberi perhatian dan mempersoalkan perkara-perkara kecil. Apabila terdapat sebarang kepayahan dalam melaksanakan tugas, anda cenderung untuk mempersalahkan faktor luaran. Anda juga mungkin mempersoalkan kaedah di mana keputusan transformasi ini dibuat.

Apa yang perlu anda lakukan?

Berada di fasa *denial* adalah sesuatu yang normal dan memang dijangkakan bagi mereka yang menghadapi perubahan dalam persekitaran. Namun adalah penting anda keluar dengan cepat daripada fasa ini dan bergerak ke fasa seterusnya. Pihak pengurusan tentunya mahukan semua kakitangan bergerak melewati fasa ini dengan cepat, tetapi manusia sememangnya perlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku. Sekiranya anda adalah seorang pengurus, adalah tanggungjawab anda untuk membantu kakitangan menyesuaikan diri melalui perubahan ini.

Sekiranya pilihan anda ialah B ...

... anda berkemungkinan berada dalam fasa *resistance*. Anda mempersoalkan kenapa anda yang perlu berubah. Adakah orang lain memberi perhatian kepada nasib anda?

Anda merasa marah kepada organisasi dan mungkin menunjukkan kemarahan anda dengan cara tertentu. Keputusan untuk *transform* dipersoalkan. Anda percaya bahawa transformasi ini amat payah untuk dijayakan. Semua ini menyebabkan anda rasa tertekan. Oleh itu, anda mengambil keputusan untuk tidak menyertai transformasi ini. Dalam masa yang sama, anda menjadi semakin senyap dan pasif. Anda mengatakan, “*Transformasi ini tidak akan berjaya – mereka tidak tahu apa yang mereka lakukan*”. Ini semua adalah tidak adil!

Apa yang perlu anda lakukan?

Walau pun *resistance* adalah satu fasa yang negatif terhadap transformasi, namun anda patut mengalaminya. Apabila anda melaluinya dengan sedar, adalah lebih mudah bagi anda untuk tidak kekal dalam fasa ini. Strategi terbaik bagi melalui fasa ini ialah dengan berbincang secara berkumpulan tentang perasaan masing-masing. Dalam kumpulan, berikan penumpuan kepada masa hadapan dan apa yang akan berlaku, dan bukannya kepada apa yang telah pun terjadi.

Jika anda seorang pemimpin, percayalah bahawa bukan anda yang wajar dipersalahkan atas perubahan yang berlaku serta atas apa yang orang lain rasai. Sebagai pemimpin, anda hanya perlu meluangkan masa mendengar segala rintihan, dan tidak cuba mengubah perasaan orang lain. Dengan mendengar dan memberi sokongan moral, anda membantu mereka untuk melalui fasa ini dengan cepat.

Sekiranya pilihan anda ialah C ...

... anda berkemungkinan berada dalam fasa *exploration*. Anda merasa bertenaga, dan selalu mencari kaedah baharu melaksanakan tugas. Anda juga mencari kaedah berfikir dan peluang yang baharu, di samping belajar perkara-perkara baharu. Anda sentiasa teruja untuk menyelesaikan masalah!

Anda mula mencipta visi bagaimana masa hadapan sepatutnya berlaku. Anda berani mengambil risiko dan mencuba perkara-perkara yang belum pernah dilakukan. Banyak idea yang dihasilkan oleh anda dan rakan-rakan yang bekerjasama dan saling bantu-membantu. Dengan semua kemungkinan yang berlaku, anda sedikit bermasalah untuk menumpukan perhatian kepada satu-satu perkara!

Apa yang perlu anda lakukan?

Tidak semua ahli sesuatu unit akan bergerak ke fasa *exploration* dalam masa yang sama. Sesetengah orang akan ‘berulang-alik’ antara *resistance* dan *exploration* beberapa kali. Mereka yang telah kukuh berada dalam *exploration* patut membantu rakan lain yang masih di fasa *resistance*.

Dalam fasa *exploration*, pengurus atau ketua unit perlu menjadi *facilitator*, membantu kakitangan menumpukan tenaga mereka kepada urusan yang sepatutnya mereka lakukan.

Bantu mereka untuk tidak melakukan apa sahaja yang mereka rasa betul. Pemimpin patut membantu kakitangan untuk bekerjasama bagi mempelajari, merancang dan membangunkan tindakbalas yang tepat kepada perubahan yang sedang dilaksanakan.

Sekiranya pilihan anda ialah D ...

... anda berkemungkinan berada dalam fasa *commitment*. Anda merasa konfiden dan mampu mengawal semua perkara. Anda selesa dengan perubahan yang berlaku. Anda juga tidak mempunyai masalah dengan perkara teknikal yang berkaitan transformasi. Anda merasakan anda telah berjaya berubah hasil usaha sendiri dan kerjasama rakan-rakan. Kini anda melaksanakan tugas dengan berkesan dan anda merasa bertanggungjawab terhadap pencapaiannya. Anda percaya bahawa “*...mereka tahu apa yang mereka lakukan...*”

Apa yang perlu anda lakukan?

Berada di fasa ini memberi anda kelebihan dari segi prestasi kerja yang baik. Anda juga membantu organisasi mencapai sasarannya. Anda fokus kepada penambahbaikan berterusan. Sekarang adalah masa yang tepat untuk anda menyemak tentang apa yang telah dipelajari dan mengenalpasti perkara lain yang wajar dipelajari. Selain itu, anda juga patut mengambil rehat dan lakukan sesuatu yang menyeronokkan. Sekiranya anda adalah pengurus, berilah ganjaran kepada mereka yang telah berjaya mencapai fasa ini!

Transformasi JPA tidak akan berjaya sepenuhnya jika individu warga tidak *transform*. Tanggungjawab memastikan transformasi jabatan berjaya bukan sahaja terletak di bahu pihak pengurusan, bahkan juga di bahu setiap individu di semua Bahagian dan di semua peringkat. Ingatlah, kita semua mempunyai tanggungjawab untuk bersama memastikan transformasi ini mencapai matlamat yang ditetapkan!